

**BERITA HARIAN
20 JANUARI 2014**



ZULKIFLI (barisan depan empat dari kiri) bersama pengurusan kanan UPNM bergambar dengan pelajar baharu Diploma Pengajian Strategik dan Pertahanan pada Majlis Orientasi Pelajar Baharu di universiti itu di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Orientasi pegawai tentera di UPNM

ORIENTASI

Seramai 165 pegawai tentera termasuk 45 orang dari pelbagai negara menghadiri Majlis Orientasi Pelajar Baharu Program

Diploma Eksekutif Pengajian Strategi dan Pertahanan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur baru-baru ini.



**Komuniti
Kita**

Semua orang yang berminat untuk menyertai Komuniti Kita boleh menghubungi kami di talian 03-8951 1111 atau melalui laman web www.komuniti.kita.gov.my

Naib Canselornya, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin berkata, UPNM sentiasa akan menambah baik kurikulum sedia ada mengikut

persekitaran dan peredaran masa supaya ia kekal relevan. "Ia merupakan langkah bijak oleh Kementerian Pertahanan mengambil alih program ini dari Universiti Malaya sejak dua

tahun lepas bagi memperkasa dan menantapkan lagi pengetahuan dalam bidang pertahanan negara," katanya.

Turut hadir pada majlis berkehaan Komandan Markas Turus Angkatan Tentera, Brig. Jeneral, Datuk Ismet Nayan Ismail, Dekan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Prof. Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh serta pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan UPNM.